

Grab Malaysia serah kepada peguam

SHAH ALAM - Syarikat perkhidmatan e-hailing, Grab Malaysia terkejut dengan keputusan cadangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk mendenda syarikat itu sebanyak RM86.8 juta kerana amalan menindas.

Jurucakap syarikat tersebut berkata, pihaknya telah mematuhi sepenuhnya Akta Persaingan 2010.

"Kami terkejut dengan cadangan keputusan yang kami terima pagi ini (semalam) dan peguam kami sedang

mengkaji keputusan yang dicadangkan MyCC. Kami percaya bahawa adalah satu amalan biasa bagi perniagaan untuk menentukan ketersediaan dan jenis pengiklanan pihak ketiga di platform masing-masing untuk disesuaikan mengikut keperluan dan maklum balas pengguna.

"Kami akan menghantar representasi bertulis kami kepada MyCC menjelang 27 November ini," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

